

10 JAN 1999

ABDULLAH MAMPU NAIKKAN SANJUNGAN KEPADA NEGARA

KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) -- Pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Perdana Menteri mampu membuat kerajaan Malaysia mendapat lebih sanjungan daripada masyarakat dunia.

Presiden Wartawan Melayu Malaysia (PWM) Yazid Othman berkata ini berdasarkan kepada pengalaman beliau yang luas sebagai Menteri Luar sebelum ini.

Sambil mengucapkan tahniah di atas pelantikan Abdullah sebagai TPM dan Menteri Dalam Negeri, Yazid berkata pelantikan itu membuktikan kepada dunia bahawa Malaysia mempunyai seorang lagi pemimpin yang berwibawa.

Yazid berharap dengan pelantikan itu perhubungan antara kaum wartawan dengan Abdullah yang juga penaung PWM akan menjadi lebih erat lagi.

"PWM bersedia mengambil tanggungjawab yang lebih daripada biasa untuk bekerjasama dengan Abdullah dalam apa jua hal demi kepentingan agama, bangsa dan negara menerusi bidang kewartawanan", katanya.

Abdullah dilantik sebagai TPM dan Menteri Dalam Negeri dalam satu rombakan kabinet yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Jumaat lepas bagi mengisi jawatan itu yang kosong sejak 2 Sept tahun lepas.

-- BERNAMA

MT LAT